



INSTITUT TANAH DAN UKUR NEGARA
KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI



Jurnal

Institut Tanah dan Ukur Negara

- | | |
|---|------------------|
| 1. KAJIAN KESESUAIAN UFUK BAGI TUJUAN PEMBINAAN BALAI CERAP INSTUN
Sr Siti Arifah Abdul Kader | 1 - 12 |
| 2. PERUBAHAN GUNA TANAH DAN LITUPAN BUMI DI DAERAH MANJUNG, PERAK MENGGUNAKAN APLIKASI SISTEM MAKLUMAT GEOGRAFI
Azfaizan Ahmad Sarkawi, Mohmadisa Hashim & Nasir Nayan | 13 - 37 |
| 3. UAV AND LIDAR : THE NEXT BIG THING IN SURVEY AND MAPPING
Sr Edrin Mohd Eusoff | 38 - 54 |
| 4. KAJIAN GERHANA MATAHARI SEPARA PADA 21 JUN 2020 BERSAMAAN 29 SYAWAL 1441H DI BALAI CERAP MINI JABAL FALAK INSTITUT TANAH DAN UKUR NEGARA
Mahruzaman Mieran, PPT | 55 - 79 |
| 5. STRATEGI PENYELESAIAN KE ATAS ISU PELUPUSAN TANAH OLEH KERAJAAN NEGERI KEPADA KERAJAAN PERSEKUTUAN
Jaiya Abu | 80 - 101 |
| 6. THE IMPACT OF SEA LEVEL RISE ON THE COASTAL REGION OF SELANGOR
Fazly Amri Mohd, Khairul Nizam Abdul Maulud, Ashnita Rahim, Masayu Norman, Zurailhan Mohamad & Muhammad Faiz Azemee | 102 - 117 |
| 7. WATER BODY DETECTION AND MONITORING DUE TO URBANIZATION
Zurailhan Mohamad, Na'im Farhana Abdul Rahim, Masayu Norman, Ashnita Rahim & Fazly Amri Mohd | 118 - 128 |

SIDANG EDITOR

PENASIHAT

Norehan Omar, INSTUN

KETUA EDITOR

Ganesh Babu Devar a/l Kuppan, INSTUN

EDITOR

Prof. Madya Dr. Nasir Nayan, UPSI

Prof. Madya Dr. Yazid Saleh, UPSI

Prof. Madya Dr. Hanifah Mahat, UPSI

Dr. Mohmadisa Hashim, UPSI

EDITOR PENGURUS

Azfaizan Ahmad Sarkawi, INSTUN

PEREKA DAN ATUR HURUF

Mohamad Hafiz Abd. Aziz, INSTUN

DITERBIKAN OLEH

Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan (R&D)
INSTUN

DICETAK OLEH

Cetakan 2021

Hakcipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat juga pun, sama ada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Pengarah Institut Tanah dan Ukur Negara, Kementerian Tenaga dan Sumber Asli terlebih dahulu.

PRAKATA

Jurnal INSTUN ini merupakan jurnal rasmi yang dikeluarkan oleh Institut Tanah dan Ukur Negara (INSTUN) dengan hasil kerjasama pihak Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). Penghasilan jurnal ini merupakan langkah bersama kedua-dua pihak dalam menambah bilangan bahan bacaan dan rujukan ilmiah berkaitan bidang Pentadbiran dan Pengurusan Tanah, Ukur dan Pemetaan serta Teknologi Maklumat yang berkaitan di Malaysia. Sumber penulisan bagi Jurnal INSTUN diperoleh dari sumber-sumber yang berwibawa seperti hasil penulisan penceramah INSTUN, pensyarah universiti tempatan dan professional yang bergiat aktif dalam bidang yang berkaitan.

INSTUN mengucapkan ribuan terima kasih yang tidak terhingga kepada penyumbang artikel serta sidang editor yang bertungkus lumus dalam penyediaan jurnal ini.

Justeru, adalah menjadi harapan Pengurusan INSTUN untuk menjadikan jurnal ini sebagai bahan bacaan yang bermanfaat kepada semua dan memastikan kualiti dan kuantiti penulisan dapat dipertingkatkan pada keluaran seterusnya.

Sekian.

NOREHAN BINTI OMAR
Pengarah INSTUN

Kajian Kesesuaian Ufuk bagi Tujuan Pembinaan Balai Cerap INSTUN

A Study of The Horizon Suitability for The Purpose of INSTUN Observatory

Sr. Siti Arifah Abdul Kader

Bahagian Ukur dan Pemetaan,
Institut Tanah dan Ukur Negara, 35950 Behrang Ulu, Perak

e-mel: siti-arifah@instun.gov.my

Abstrak

Balai cerap merupakan sebuah bangunan yang dibina dengan fungsi utamanya adalah sebagai pusat pencerapan objek-objek yang terdapat ruang angkasa seperti matahari, bulan, bintang, planet dan lain-lain objek samawi. Selain itu, balai cerap digunakan untuk cerapan hilal untuk menentukan perubahan bulan dalam kalender hijri dan penentuan tarikh bagi bulan Ramadhan, Syawal dan Zulhijjah. Justeru itu, adalah penting lokasi sebuah balai cerap yang dibina perlu mempunyai kesesuaian kenampakan ufuk sebelum penubuhannya bagi melancarkan aktiviti-aktiviti pencerap terutamanya bagi cerapan hilal. Oleh itu, Institut Tanah dan Ukur Negara (INSTUN) dalam usaha untuk membina sebuah balai cerap yang pertama di negeri Perak dengan kelengkapan infrastruktur pencerap yang moden juga sebagai pusat rujukan pengamal falak di Malaysia. Sehubungan dengan itu, sebelum pembinaan balai cerap ini, telah dilakukan sebuah kajian bagi melihat keadaan ufuk di tapak lokasi balai cerap INSTUN tersebut. Maka kajian ini dilaksanakan dengan tujuan untuk mengenalpasti keadaan ufuk di tapak lokasi pembinaan balai cerap yang akan digunakan untuk menjalankan aktiviti berkaitan Falak dan Astronomi. Kaedah pengumpulan data yang dilakukan di lapangan ialah cerapan matahari, cerapan azimuth dan altitud, melihat keterbukaan langit, merekod nilai azimuth dan altitud objek di kawasan lokasi Balai Cerap. Bagi data cerapan matahari, ianya dibandingkan dengan data rukyah hitungan. Cerapan matahari dilakukan pada waktu pagi. Nilai azimuth cerapan matahari ialah $112^{\circ} 24' 36''$ dan altitud ialah $20^{\circ} 06' 29''$ manakala nilai azimuth data rukyah hitungan ialah $112^{\circ} 24' 12''$ dan altitud ialah $20^{\circ} 07' 13''$. Perbezaan antara data cerapan matahari matahari dan data rukyah hitungan ialah nilai azimuth $00^{\circ} 00' 24''$ dan nilai altitud ialah $00^{\circ} 00' 44''$. Oleh itu, keputusannya oleh pencerap ialah perbezaan ini tidak ketara dan boleh diterima. Disamping itu, semasa aktiviti melihat keterbukaan langit, ianya didapati keseluruhan ruang angkasa tidak mempunyai halangan pada ketinggian altitud $>30^{\circ}$. Ini menunjukkan bahawa lokasi tersebut bersesuaian untuk menjalankan aktiviti cerapan bintang dalam menentukan kedudukan latitud dan longitud (astronomical coordinate). Secara keseluruhannya, kedudukan tapak balai cerap ini adalah bersesuaian untuk menjalankan aktiviti falak dan astronomi disebabkan oleh tiada halangan ruang udara serta kedudukannya yang jauh dari gangguan cahaya.

Kata kunci : Falak, Astronomi, Kesesuaian Ufuk

Abstract

The observatory is a building built with main function which is as a centre for the observation of objects in space such as the sun, moon, stars, planets and other celestial objects. In addition, the observatory is used for the 'hilar' observation which is to determine the changes of the moon in the Hijri calendar and to decide the dates for the months of Ramadan, Syawal and Zulhijjah. Therefore, it is important that the location of an observatory that is built should have the suitability of the appearance of the horizon before its establishment to conduct observation activities, especially for 'hilar' observation. Thus, Institut Tanah dan Ukur Negara (INSTUN) is in progress to build the first observatory centre in the state of Perak with modern observing infrastructure equipment as well as reference centre for the person or group involve with 'falak' at Malaysia. In relation to that, before the construction of this observatory, a study was conducted to view the condition of the horizon at the site of the INSTUN observatory. Therefore, this study was carried out with the aim to identify the condition of the horizon at the construction site of the observatory that will be used to carry out Astronomy activities. The data collection at the construction site of the observatory is carried out such as solar observation, azimuth and altitude observation, looking at the openness of the sky, recording the azimuth and altitude values of objects at the area of observatory site. For solar observation data, it is compared with rukyah calculation data. Solar observations are done in the morning. The azimuth value of the sun observation is $112^{\circ}24'36''$ and the altitude is $20^{\circ}06'29''$ while the azimuth value of the calculated data is $112^{\circ}24'12''$ and the altitude is $20^{\circ}07'13''$. The difference between the solar observation data and the calculated rukyah data is that the azimuth value is $00^{\circ}00'24''$ and the altitude value is $00^{\circ}00'44''$. Therefore, the result by the observer is that this difference is insignificant and acceptable. In addition, during the activity of looking at the openness of the sky, it was found that the entire space has no obstacles at altitude $> 30^{\circ}$. This indicates that the location is suitable for conducting star observation activities in determining the position of latitude and longitude or it is called an astronomical coordinate. Overall, it was found that the location of the observatory site is suitable for conducting astronomy activities due to the lack of air space obstructions as well as its location away from light interference.

Keywords: 'Falak', Astronomy, Horizon Suitability

Pengenalan

Balai cerap merupakan sebuah bangunan yang dibina untuk memerhati atau mencerap objek-objek samawi di ruang angkasa. Secara umumnya, kewujudan sebuah bangunan balai cerap pada masa kini adalah diketahui umum kerana bidang astronomi dan falak mula mendapat perhatian masyarakat pada masa kini. Balai cerap ialah sebuah bangunan yang dilengkapi dengan peralatan tertentu untuk membolehkan ahli sains dan sebagainya membuat pemerhatian dan ramalan terhadap fenomena cuaca, kedudukan atau keadaan bintang. Menurut Nurul Izaty Liyana (2020), balai cerap pertama yang dibina ialah balai cerap Syammasiya dan Qasiyun yang merupakan sebahagian daripada perpustakaan iaitu ramai ahli sains dan ahli astronomi berkumpul untuk melakukan perbincangan ilmiah dan melaksanakan cerapan.

Di Malaysia, terdapat beberapa buah balai cerap yang dibina dengan matlamat dan tujuan yang sama iaitu untuk kemajuan aktiviti astronomi dan falak di Malaysia dari segi penyelidikan, pendidikan dan penentuan ibadah umat Islam. Balai cerap di Malaysia dibahagikan kepada beberapa kategori iaitu seperti balai cerap persendirian yang dibina oleh golongan amatur seperti Prof Dr. Mahomarawi bin Omar, balai cerap rasmi Persekutuan iaitu Planetarium Negara, Kuala Lumpur dan Langkawi National Observatory (LNO) Langkawi Kedah, balai cerap Institusi Pengajian Tinggi iaitu balai cerap Kolej Ugama Sultan Zainal Abidin (KUSZA), Terengganu dan Kompleks Balai Cerap Fizik Angkasa Universiti Malaya, Kuala Lumpur dan balai cerap Astrofiqh seperti Pusat Falak Syeikh Tahir, Pulau Pinang, Kompleks Falak Al-Khawarizmi (KFAK), Melaka, Balai Cerap Al-Biruni, Sabah, Balai Cerap Selangor dan Balai Cerap Teluk Kemang (BCTK), Negeri Sembilan (Sharifah Shazwani et al., 2016). Sebuah lagi balai cerap yang dibina di Institusi Latihan Awam iaitu di Institut Tanah dan Ukur Negara (INSTUN) yang terletak di Behrang, Perak yang diberi nama Balai Cerap Mini Jabal Falak. Balai cerap yang siap dibina pada tahun 2019 ini telah disenaraikan sebagai salah satu balai cerap di bawah Jawatankuasa Balai Cerap Kebangsaan Malaysia dalam Mesyuarat Jawatankuasa Balai Cerap Kebangsaan Malaysia yang telah berlangsung pada 5 Oktober 2015. Balai cerap ini telah menempatkan beberapa teleskop dan dijadikan tempat pembelajaran bagi kursus seperti kursus Falak Syarie, Astronomi dan Astrofotografi serta tempat untuk melakukan aktiviti astronomi di INSTUN.


Walau bagaimanapun, Balai Cerap Mini Jabal Falak INSTUN yang berukuran 10 kaki x 15 kaki ini dilihat ruangan dalaman agak sempit dan hanya dapat memuatkan dua (2) hingga empat (4) orang pencerap sahaja dalam satu masa.

Keadaan ini menyebabkan peserta kursus kurang selesa dan sesi pembelajaran, agak terganggu dan menyebabkan hilang fokus. Justeru itu, menyedari perihal ini pada tahun 2017 pihak INSTUN, telah memulakan cadangan untuk menaik taraf Balai Cerap Mini Jabbal Falak kepada sebuah balai cerap yang berskala besar yang boleh memuatkan ramai orang dalam satu-satu masa. Di samping itu, balai cerap yang akan terbina kelak akan dijadikan sebagai pusat perkongsian maklumat berkaitan dengan ilmu astronomi dan falak iaitu pelbagai aktiviti boleh dilaksanakan di situ seperti aktiviti cerapan umum untuk orang ramai semasa peristiwa khas atau fenomena alam seperti gerhana bulan, gerhana matahari, cerapan hilal atau anak bulan, cerapan hujan meteor, komet, planet-planet dan lain-lain cerapan badan cakerawala. Secara tidak langsung menjadikan INSTUN sebagai edu-tourism akan dapat direalisasikan.

Oleh yang demikian, pada tahun 2019 tapak untuk membina balai cerap ini telah dikenalpasti oleh pihak INSTUN dan telah diperakui oleh Jabatan Teknikal iaitu Jabatan Kerja Raya (JKR) Malaysia. Kerja-kerja penyiataan tanah telah dilakukan dan kelulusan telah diperoleh untuk pembinaan balai cerap pada lokasi tapak yang dicadangkan iaitu di perkarangan kawasan INSTUN. Bagi melancarkan aktiviti berkaitan falak dan astronomi di lokasi balai cerap tersebut terutamanya cerapan hilal, satu kajian berkaitan kesesuaian ufuk telah dilakukan. Sehubungan dengan itu, kajian ini dijalankan dengan matlamat untuk mengenal pasti keadaan ufuk di tapak lokasi pembinaan balai cerap yang akan digunakan untuk menjalankan aktiviti berkaitan falak dan astronomi.

Metodologi

Dalam menjalankan kajian ini, penulis telah merangka suatu carta alir pelaksanaan gerak kerja kajian yang dilakukan. Rajah 1 memaparkan carta alir kajian dijalankan.



Rajah 1. Carta alir kajian

Kajian Awalan

Untuk menjalankan kajian ini, penulis telah membuat kajian awalan dalam mengenal pasti elemen kajian. Tinjauan tapak dijalankan di lokasi kajian secara awal bagi merancang pelaksanaan kaedah penentuan ufuk. Seterusnya, penulis telah menetapkan matlamat kajian iaitu untuk mengenal pasti keadaan ufuk di tapak lokasi pembinaan balai cerap yang akan digunakan untuk menjalankan aktiviti berkaitan falak dan astronomi. Oleh itu, di antara kaedah yang perlu dilakukan dalam menentukan kesesuaian ufuk di tapak lokasi balai cerap ialah cerapan matahari, cerapan azimuth dan altitud dan melihat keterbukaan langit. Setelah data daripada kaedah ini diperoleh, analisis berkaitan dapat dilakukan dan seterusnya mengetahui hasil kesesuaian ufuk.

Kajian Teoritikal

Dalam kajian teoritikal, penulis telah melakukan pembacaan melalui artikel, kertas-kertas seminar dan pembacaan melalui internet iaitu untuk mendapatkan informasi bagi penentuan kaedah yang sesuai bagi kajian kesesuaian ufuk. Teori pembinaan balai cerap pada zaman dahulu juga dijadikan asas dalam mengumpulkan maklumat berkaitan yang diperlukan dalam kajian ini. Di samping itu, penulis juga mempunyai pengalaman apabila melakukan lawatan ke balai cerap antaranya di Balai Cerap Telok Kemang (BCTK), Port Dickson, Negeri Sembilan. Menurut pegawai di BCTK, beliau menyatakan bahawa dalam pembinaan sebuah balai cerap amatlah perlu menitikberatkan hal berkaitan keadaan ufuk. Pentingnya ufuk adalah kerana untuk melihat matahari terbit dan terbenam atau bahagian timur dan barat dapat dilihat.

Pengumpulan Data

Pada kajian ini, data di tapak lokasi balai cerap dikumpulkan bagi mendapatkan hasil kesesuaian ufuk di kawasan tersebut. Di antara data yang perlu dikumpulkan adalah cerapan matahari, cerapan azimuth dan altitud, proses melihat keterbukaan langit, merekod nilai azimuth dan altitud objek di kawasan tapak dan data ruyah hitungan.

Bagi cerapan matahari, proses ini dilakukan dengan menggunakan alat ukur iaitu teodolit. Tujuannya adalah untuk mewujudkan titik rujukan yang mempunyai nilai azimuth. Bagi cerapan azimuth dan altitud, data nilai altitud matahari terendah di ufuk timur yang boleh dicerap ketika matahari terbit dan terbenam perlu diambil. Seterusnya adalah data proses keterbukaan langit. Data ini adalah perlu bagi memastikan ufuk utara, selatan, timur dan barat tidak mempunyai halangan di paras altitud melebihi 30°.

Data berikutnya yang perlu diambil adalah data nilai azimuth dan altitud objek-objek yang menghalang pandangan di ufuk timur dan barat. Data ini penting bagi mengenal pasti halangan yang terdapat pada ufuk terbit dan terbenam matahari dalam lingkungan azimuth. Dalam menentukan kedudukan ufuk, perbezaan antara data matahari yang dicerap berbanding data rukyah hitungan adalah perlu dijalankan bagi memastikan kesahihan atau ketepatan data rukyah yang dihitung.

Justeru, dalam menjalankan kajian kesesuaian ufuk, adalah amat penting data ini perlu disediakan dengan sebaiknya. Dengan ketersediaan data ini, maka proses analisis terhadap data-data ini akan dapat dijalankan. Tiada penggunaan perisian bagi memproses data yang diambil, namun penulis telah menggunakan kaedah konvensional iaitu data-data ini secara empirikal di lapangan.

Analisis Data

Data yang dikumpulkan di lapangan dianalisis dengan kaedah cerapan yang jelas bagi setiap aktiviti yang dijalankan. Data-data yang dianalisis oleh penulis adalah data cerapan matahari, data cerapan azimuth dan altitud, data keterbukaan langit, data nilai azimuth dan data perbezaan antara data cerapan matahari yang dicerap dan data rukyah hitungan.

Dapatan Kajian Dan Perbincangan

Pada kajian yang dijalankan ini, penulis telah menemui hasil bagi aktiviti yang dijalankan di tapak cadangan lokasi balai cerap bagi menentukan kesesuaian keadaan ufuk. Berikut adalah keputusan berdasarkan aktiviti yang dijalankan.

Melaksanakan Cerapan Matahari Di Atas Dua (2) Titik Rujukan

Tujuan melaksanakan cerapan matahari ialah untuk mewujudkan titik rujukan yang mempunyai nilai azimuth. Sebanyak 12 set bacaan cerapan matahari dilakukan. Nilai azimuth telah ditentukan berdasarkan kepada purata bacaan cerapan yang baik. Nilai azimuth yang diperoleh di atas dua (2) titik rujukan adalah $253^{\circ} 04' 03''$ (Foto 1).



Foto 1: Proses mendirikan stesen rujukan untuk penentuan azimuth.

Mencerap Azimuth dan Altitud Ketika Terbit dan Terbenam Matahari

Aktiviti mencerap azimuth dan altitud yang dilakukan ketika terbit dan terbenam matahari adalah bertujuan untuk mengetahui nilai altitud matahari terendah di ufuk timur yang boleh dicerap ketika matahari terbit dan terbenam. Hasil nilai altitud matahari terendah di ufuk timur ketika matahari terbit ialah didapati mempunyai halangan iaitu terlindung daripada pokok-pokok tinggi dan bukit iaitu Banjaran Titiwangsa. Kajian ini dijalankan pada tarikh 23 Januari 2019 sekitar jam 8.09 pagi. Hasil bacaan azimuth pada tarikh dan masa ini ialah $110^{\circ} 22' 53''$ manakala hasil bacaan altitud ialah $08^{\circ} 06' 23''$. Bacaan azimuth dan altitud ini diambil ketika kedudukan matahari paling awal yang dapat direkod. Ini adalah disebabkan halangan bukit di ufuk tersebut.

Hasil nilai altitud matahari terendah di ufuk timur ketika matahari terbenam ialah didapati keadaan ufuk barat lebih baik kerana mempunyai sedikit halangan pokok dan bukit yang rendah. Kajian ini dijalankan pada tarikh 23 Januari 2019 sekitar jam 19.13 malam. Hasil bacaan azimuth pada tarikh dan masa ini ialah $250^{\circ} 23' 22''$ manakala hasil bacaan altitud ialah $01^{\circ} 53' 50$. Bacaan azimuth dan altitud ini diambil kedudukan matahari paling akhir yang dapat direkod. Kedudukan matahari seterusnya tidak dapat dijejak disebabkan halangan pokok yang terdapat pada arah matahari terbenam tersebut. Sekiranya pokok tersebut ditebang dan dibersihkan, halangan ufuk yang berikutnya adalah bukit yang jauh di bahagian ufuk tersebut pada ketinggian altitud $0^{\circ} 50' 23''$.

Melihat Keterbukaan Langit Bersesuaian Dengan Aktiviti Cerapan Bintang

Aktiviti cerapan bintang merupakan salah satu aktiviti yang penting dan kebiasaannya pasti akan dilakukan di balai cerap. Justeru itu, bagi melancarkan aktiviti tersebut, penelitian terhadap keterbukaan langit dilakukan. Dalam pada itu, aktiviti ini dilakukan bagi memastikan ufuk utara, selatan, timur dan barat tidak mempunyai halangan di paras altitud melebihi 30° .

Hasil daripada aktiviti melihat keterbukaan langit didapati keseluruhan ruang angkasa tidak mempunyai halangan pada ketinggian altitud melebihi 30° . Oleh itu, ia menunjukkan bahawa lokasi tapak balai cerap ini bersesuaian untuk menjalankan aktiviti cerapan bintang dalam menentukan kedudukan latitud dan longitud (astronomical coordinate). Walau bagaimanapun, di bahagian ufuk selatan, terdapat gangguan cahaya yang agak ketara berpunca dari kawasan pembangunan Proton City yang terletak dalam lingkungan 5 kilometer dari tapak lokasi balai cerap INSTUN yang baru ini. Di samping itu, penulis juga telah menggunakan teleskop untuk mengesahkan dengan lebih tepat untuk aktiviti cerapan bintang.



Foto 2: Pinaroma ufuk timur



Foto 3: Pinaroma ufuk barat



Foto 4: Imej ufuk timur ketika matahari terbenam

Merekod Perbezaan antara Data Matahari Yang Dicerap Berbanding Data Rukyah Hitungan

Data cerapan matahari yang diambil di lokasi tapak balai cerap kemudiannya dibandingkan dengan data rukyah hitungan. Ini bagi memastikan kesahihan atau ketepatan data rukyah yang dihitung. Berikut adalah perbandingan nilai azimuth dan altitud bagi data cerapan matahari dan data rukyah hitungan yang diambil oleh penulis pada 23 Januari 2019 iaitu pada dua (2) waktu.

Jam 08:57 pagi

Cerapan matahari : Azimuth ($112^{\circ} 24'36''$), Altitud ($20^{\circ} 06'29''$)

Rukyah hitungan : Azimuth ($112^{\circ} 24'12''$), Altitud ($20^{\circ} 07'13''$)

Perbezaan : Azimuth ($00^{\circ} 00'24''$) , Altitud ($00^{\circ} 00'44''$)

Hasil perbezaan azimuth dan altitud pada bacaan data cerapan matahari dan rukyah hitungan pada jam 08.57 pagi adalah tidak ketara dan boleh diterima.

Jam 19.13 malam

Cerapan matahari : Azimuth ($250^{\circ} 23'22''$), Altitud ($1^{\circ} 53'50''$)

Rukyah hitungan : Azimuth ($250^{\circ} 22'19''$), Altitud ($02^{\circ} 01'45''$)

Perbezaan : Azimuth ($00^{\circ} 01'03''$) , Altitud ($00^{\circ} 07'55''$)

Hasil perbezaan azimuth dan altitud pada bacaan data cerapan matahari dan rukyah hitungan pada jam 19.13 malam adalah dilihat begitu ketara. Ini adalah kerana sebahagian permukaan matahari telah dilindungi pokok yang menyebabkan pencerap sukar mendapatkan kedudukan titik tengah matahari dengan tepat. Di samping itu, kedudukan matahari pada altitud rendah memberi kesan refraction yang tinggi menyebabkan perbezaan ketara antara data cerapan matahari dan data rukyah hitungan. Keputusan dan hasil kajian yang diperolehi akan dianalisis dengan menggunakan kaedah perbandingan fakta. Dalam kajian ini, dua (2) keadaan ufuk iaitu ufuk barat dan ufuk timur telah diperiksa bagi menentukan keadaan ufuk yang sesuai di lokasi tapak balai cerap INSTUN.

Berdasarkan hasil kajian, didapati keadaan ufuk timur mempunyai halangan yang agak tinggi, namun ia tidak menjadi masalah untuk menjalankan aktiviti astronomi dan falak di lokasi tersebut. Namun demikian, kajian kecerahan langit di ufuk timur dalam menentukan terbit fajar kazib dan fajar sadiq di lokasi tersebut adalah tidak bersesuaian disebabkan halangan ufuk tersebut. Fajar kazib merupakan bayangan cahaya yang muncul di ufuk timur dan memancar dari bawah mengarah ke atas di tengah-tengah langit (JAKIM, 2012).

Fajar sadiq pula merupakan cahaya yang muncul sesudah fajar kazib dan cahayanya putih serta menyerlah dan kelihatan mendatar mengikut garis lintang ufuk timur dan perlahan-lahan menyebar naik ke langit (JAKIM, 2012).

Keadaan ufuk barat pula didapati mempunyai sedikit halangan pada kadar altitud tertinggi iaitu 2° pada sudut tertentu antara $245^\circ \sim 289^\circ$. Akan tetapi, cerapan hilal masih boleh dilaksanakan di lokasi tersebut, namun tertakluk kepada kecerahan cuaca serta keadaan ufuk yang tidak berawan. Pada sudut tertentu, halangan ufuk oleh bukit hampir tiada. Keadaan ini kemungkinan boleh memberi peluang kepada keupayaan untuk merukyah hilal.

Kesimpulan

Sebagai kesimpulan dalam kajian yang dijalankan ini, berdasarkan kepada keadaan ufuk di timur dan barat, disimpullkan bahawa kedudukan tapak balai cerap tersebut adalah bersesuaian untuk menjalankan aktiviti astronomi disebabkan oleh tiada halangan ruang udara serta kedudukannya yang jauh dari gangguan cahaya. Walaupun terdapat sedikit gangguan cahaya di ufuk selatan, namun ia adalah pada kadar yang minimum dan masih memungkinkan untuk mencerap objek di langit seperti bintang dan planet serta objek samawi lain. Justeru itu, matlamat kajian ini iaitu untuk mengenal pasti keadaan ufuk di tapak lokasi pembinaan balai cerap adalah tercapai apabila keadaan ufuk di tapak lokasi balai cerap ini adalah bersesuaian untuk menjalankan aktiviti berkaitan falak dan astronomi.

Penghargaan

Ucapan penghargaan dan terima kasih kepada pihak INSTUN khususnya dan Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan, INSTUN dalam memberi peluang menganjurkan pertandingan seumpama ini dalam mengasah bakat-bakat pegawai dan kakitangan INSTUN untuk menghasilkan sebuah penulisan ilmiah. Pada kesempatan ini juga, penulis ingin merakamkan terima kasih jua kepada Bahagian Ukur Geodetik (BUG), Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM) Ibu Pejabat, Kuala Lumpur dalam memberi bantuan teknikal semasa kajian dijalankan di lokasi tapak balai cerap. Tidak lupa juga penghargaan ini ditujukan kepada rakan-rakan yang banyak membantu penulis dengan berkongsi ilmu dan maklumat berkaitan kajian ini.

RUJUKAN

- Aizan Ali, Khadijah Ismail, & Mohammaddin Abdul Niri. (2015). Sejarah dan faktor perkembangan astronomi Islam di Malaysia: Satu penelitian. *Jurnal al-Tamaddun*, 10(1), 1-18.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). (2012). *Portal rasmi Jabatan Kemajuan Islam Malaysia*. Diperoleh daripada <http://www.islam.gov.my/en/berita-semasa/29-bahagian-penyelidikan/2178-muzakarah-falak-peringkat-kebangsaan-tahun-2019>
- Nurul Izaty Liyana. (2020). *Sejarah: Balai cerap*. Diperoleh daripada <https://bctkpd.com/2020/01/14/sejarah-balai-cerap/>
- Othman Lebar. (2015). *Penyelidikan kualitatif: Pengenalan kepada teori dan metod*. Tanjong Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Sharifah Shazwani Syed Mohamed, Ibnor Azli Ibrahim, Mohd Hafiz Safiai, Mohd Ali Mohd Noor & Ros Maimunah Haji Yahya Zikri. (2016). Balai cerap Astrofiqh dan prospek pulangan ekonomi di Malaysia. Dalam *Prosiding Persidangan Antarabangsa Falak di Dunia Islam*. 181-183.

Perubahan Guna Tanah dan Litupan Bumi di Daerah Manjung, Perak Menggunakan Aplikasi Sistem Maklumat Geografi

*Land Use and Land Cover Change in Manjung District, Perak
Using Geographic Information System*

Azfaizan Ahmad Sarkawi, Mohmadisa Hashim & Nasir Nayan

Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan,
Institut Tanah dan Ukur Negara, 35950 Behrang Ulu, Perak

Jabatan Geografi & Alam Sekitar, Fakulti Sains Kemanusiaan
Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tanjong Malim, Perak

e-mel: faizan@instun.gov.my

Abstrak

Kajian ini dilakukan bagi mengenal pasti perubahan guna tanah dan litupan bumi di daerah Manjung, Perak. Perbandingan data siri masa antara tahun 2012 hingga 2018 telah dilakukan bagi menganalisis perubahan guna tanah dan litupan bumi tersebut. Data yang digunakan ialah peta guna tanah daerah Manjung tahun terbitan 2012, 2014 dan 2018 yang diperolehi daripada Majlis Perbandaran Manjung. Klasifikasi guna tanah dibahagikan kepada empat jenis yang utama iaitu kawasan hutan, pertanian, badan air dan tepubina. Peta guna tanah telah dianalisis dengan menggunakan sistem maklumat geografi (GIS) bagi mengesan perubahan guna tanah sebenar berdasarkan klasifikasi tersebut. Analisis tindakan peta telah dilakukan bagi mengetahui perubahan keluasan sebenar yang berlaku pada setiap jenis guna tanah. Dapatan kajian menunjukkan telah berlaku trend perubahan yang ketara sama ada guna tanah yang meningkat dan menurun dalam tempoh enam tahun tersebut. Didapati perubahan guna tanah yang ketara berlaku ialah pertanian iaitu pengurangan 1.43% dan guna tanah tepu bina telah berlaku peningkatan sebanyak 2.01%. Guna tanah hutan menunjukkan peningkatan iaitu 0.13% dan pengurangan terhadap guna tanah badan air iaitu 0.71%. Perubahan guna tanah di daerah Manjung dalam tempoh tersebut memberi maksud yang jelas bahawa proses pembangunan telah giat berlaku di daerah ini khususnya dalam kawasan Majlis Perbandaran Manjung. Perancangan masa depan perlu dilihat dan dikaji semua agar pembangunan yang hendak dilakukan perlulah seimbang di antara keperluan pembangunan semasa dan persekitaran fizikal sedia ada.

Kata kunci: Perubahan Guna Tanah, Tepu Bina, Daerah Manjung, Sistem Maklumat Geografi

Abstract

This study aims to identify changes in land use and land cover in the district of Manjung, Perak. This study compares time-series data from 2012 to 2018 to analyze the land use and land cover changes. The data used is the land use map of Manjung district for years 2012, 2014, and 2018 from the Manjung Municipal Council. Land use classification is divided into four main types: forest areas, agriculture, water bodies, and urbanized. Land use maps were analyzed using a geographic information system (GIS) to track actual land use changes based on the classification. The use of map overlay analysis to determine the actual area changes in each type of land use. The findings show a significant change trend in either increased or decreased trends for the six years. A significant change in land use was agriculture, which decreased 1.43%, and saturated built land use had an increase of 2.01%. Forest land use showed an increase of 0.13% and decreased water body land use of 0.71%. The change in land use in the Manjung district during the period meant that the development process has been active in this district, especially in the Manjung Municipal Council area. The future planning needs to be seen and studied to balance the current development needs and the existing physical environment.

Keywords: Land Use Changes, Built up, District of Manjung, Geographical Information System

Pengenalan

Retrospektif atau geografi sejarah merupakan satu bidang yang penting dalam melihat perubahan yang berlaku terhadap sesebuah kawasan yang berdasarkan kepada tempoh masa tertentu. Keadaan ini dilihat melalui ciri-ciri geografi dan perubahan yang berlaku mengikut masa. Selain itu, kajian terhadap perubahan tersebut dapat dilakukan dengan melihat kepada komponen utama yang menyebabkan perubahan tersebut iaitu manusia. Manusia merupakan ejen perubahan utama yang menyumbang kepada perubahan yang saling berinteraksi dengan persekitaran. Proses interaksi tersebut membentuk suatu landskap budaya di kawasan yang didiami.

Kucera (2008) mendefinisikan geografi sejarah dengan membahagikannya kepada dua skop iaitu geografi dan sejarah. Menurut beliau, sejarah merujuk kepada bidang yang menerangkan sesuatu yang membina sistem sosial dan juga bertindak dalam menginterpretasikan sesuatu kejadian yang berlaku pada masa dahulu. Manakala geografi pula adalah bidang yang mengkaji berkaitan unsur-unsur semulajadi dan interaksi dengan keadaan sekeliling mereka.

Manakala menurut Antrop (2004), pembandaran merupakan satu proses yang kompleks dan mampu mengubah kawasan luar bandar atau landskap semula jadi kepada bandar dan kawasan perindustrian sehingga membentuk ruang yang dikawal oleh keadaan fizikal tapak dan akses oleh laluan pengangkutan. Faktor-faktor seperti nilai tanah yang tinggi, kepadatan penduduk, sistem pengangkutan yang lebih baik serta mobiliti penduduk yang tinggi merupakan antara ciri komponen fizikal yang menentukan kesan pembandaran yang seterusnya akan mempengaruhi perubahan guna tanah di kawasan luar bandar khususnya. Bagi mengesan perubahan-perubahan fizikal yang berlaku, Sistem Maklumat Geografi (GIS) dan penderiaan jarak jauh merupakan satu alat yang berkeupayaan untuk menganalisis perubahan guna tanah untuk tempoh masa tertentu. Sistem ini berupaya untuk menggabungkan pelbagai sumber data ke dalam platform pengesanan perubahan dan berupaya untuk menginput, mengolah, menganalisis dan memaparkan data ruangan (spatial data) serta data bukan ruangan (non-spatial data) dengan efisien.

Dalam hal ini, salah satu aspek yang dikaji dalam konteks geografi sejarah ialah kajian yang berkaitan dengan perubahan guna tanah. Umumnya guna tanah merujuk kepada penggunaan ruang alam sekitar oleh manusia untuk menjalankan pelbagai aktiviti. Menurut Majlis Perbandaran Manjung (n.d) guna tanah bermaksud aktiviti atau penggunaan di atas sesuatu lot tanah bagi tujuan-tujuan tertentu.

Sementara itu, Mohamad Suhaily Yusri et al. (2014), menjelaskan guna tanah sebagai perubahan jenis keadaan dalam sesebuah kawasan melalui peringkat-peringkat tertentu yang berubah bersifat sekunder seperti dari kawasan hutan kepada guna tanah perbandaran. Keperluan guna tanah sentiasa berubah mengikut perkembangan semasa berdasarkan keperluan asas aktiviti manusia dalam kehidupan.

Seterusnya menurut Nasir et al. (2012), kebanyakan negara mengalami perubahan guna tanah selari dengan perubahan masa yang menyaksikan pertumbuhan pesat seperti guna tanah perbandaran, perindustrian, petempatan penduduk, kawasan pertanian dan sebagainya. Pada masa yang sama kawasan ini kehilangan tumbuhan semula jadi dan kawasan lapang yang dikaitkan dengan kepelbagaian habitat seperti flora atau fauna akibat perubahan yang dilakukan. Dapat dirumuskan bahawa konsep dan definisi aktiviti guna tanah kebanyakannya tidak mempunyai satu keseragaman yang khusus. Di Malaysia, konsep aktiviti guna tanah dipengaruhi oleh perancangan yang diwartakan oleh Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (JPBD) di setiap majlis daerah atau Pihak Berkuasa Perancang Tempatan (PBPT). Guna tanah akan berubah mengikut keperluan di sesuatu kawasan seperti kawasan pertanian, perumahan, urbanisasi dan sebagainya. Oleh itu, kajian geografi sejarah merupakan satu kajian yang amat luas disebabkan kajian yang meliputi aspek kemanusiaan, fizikal, sains sosial, ekonomi dan sebagainya. Kajian ini memfokuskan kepada perubahan guna tanah yang berlaku di daerah Manjung dari tahun 2012 hingga 2018.

Kawasan Dan Metod Kajian

Kawasan Kajian

Daerah Manjung merupakan salah satu daripada 12 buah daerah yang terdapat dalam negeri Perak dengan keluasan 116,800 hektar dan terbahagi kepada lima buah mukim iaitu mukim Beruas, Lekir, Lumut/Pangkor, Pengkalan Bharu dan Sitiawan (Pejabat Tanah & Daerah Manjung, 2020). Secara keseluruhannya bentuk muka bumi daerah Manjung adalah tanah pamah dan kawasan pinggir pantai. Bandar utama dalam daerah ini adalah Seri Manjung dan menurut Majlis Perbandaran Manjung (2020) seluruh daerah Manjung kini adalah di bawah pihak pentadbirannya. Jumlah penduduk di daerah Manjung seramai 223, 804 orang berdasarkan Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2010 dengan penduduk berbangsa Melayu sebanyak 50.08 peratus, diikuti dengan Cina (28.99%), India (12.29%) dan lain-lain (8.64%) (Pejabat Tanah & Daerah Manjung, 2020).

Daerah Manjung dianggap salah satu daerah pelancongan utama di negeri Perak telah menyebabkan kawasan ini telah dimajukan dengan pelbagai kemudahan seperti jaringan pengangkutan, pusat peniagaan dan sebagainya. Destinasi pelancongan di daerah ini berteraskan ekopelancongan seperti pantai Teluk Batik, Teluk Senangin, Pasir Bogak dan Pulau Pangkor. Di samping itu, pembangunan pesat dalam aktiviti perkapalan juga telah merancakkan lagi pembangunan di kawasan ini.

Pengumpulan Data


Peta guna tanah merupakan instrumen asas dalam kajian ini. Tanpa menggunakan peta guna tanah, trend perubahan guna tanah di kawasan kajian tidak dapat dilihat dengan lebih jelas. Peta guna tanah ini dapat memberikan gambaran visual perubahan guna tanah yang berlaku dari tahun 2012 hingga 2018. Rentetan daripada itu, kajian ini menggunakan tiga buah peta guna tanah kawasan kajian di dalam kawasan pentadbiran Majlis Perbandaran Manjung bagi melihat trend perubahan guna tanah iaitu pada tahun 2012 hingga 2018. Peta guna tanah diperoleh daripada pihak Majlis Perbandaran Manjung dalam bentuk shapefile seterusnya dapat mempercepatkan lagi proses dalam membina peta perubahan guna tanah di kawasan kajian.

Penggunaan shapefile guna tanah daerah Manjung diperlukan dalam kajian perubahan guna tanah. Tujuannya adalah untuk memberi gambaran dan visual yang jelas berkaitan corak guna tanah yang digunakan. Tambahan pula, shapefile yang diperoleh daripada Majlis Perbandaran Manjung ini mengandungi maklumat-maklumat yang sangat penting seperti analisis sempadan wilayah, sempadan negeri, jenis penempatan, jalan raya, pertanian, kawasan hijau dan sebagainya. Penggunaan data ini dapat menjelaskan trend perubahan guna tanah yang berlaku di dalam kawasan kajian dengan mudah. Ini kerana pangkalan data yang dianalisis tidak memerlukan banyak pendigitan untuk mengenal pasti corak perubahan guna tanah yang berlaku di kawasan kajian.

Analisis Data

Penggunaan perisian seperti sistem maklumat geografi (GIS) dalam kajian ini bertujuan untuk menganalisis data mengikut prosedur teratur dan cepat kerana ia dapat memberikan maklumat jenis guna tanah dan kategori corak guna tanah dalam kajian ini. Di samping itu, ia mampu memaparkan maklumat penting seperti status pemilikan tanah, status guna tanah, luas tanah yang digunakan oleh penduduk yang tinggal di kawasan tersebut serta aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh penduduk.

Data yang diperoleh daripada Majlis Perbandaran Manjung ini diproses dengan menggunakan *shapefile* yang telah disediakan. Kaedah ini agak mudah kerana lapisan fail *shapefile* yang ada hanya perlu dilakukan pertindihan seterusnya bentuk vektor ditukarkan kepada raster menggunakan aplikasi GIS. Selesai menukarkan bentuk vektor kepada raster, data tersebut akan dikodkan dengan warna-warna yang berbeza bagi memberi gambaran visual yang jelas selepas data menjalani pertindihan. Seterusnya, peta-peta dilabelkan sebagai peta lengkap yang dilengkapi dengan ciri-ciri sebuah peta yang betul. Selepas peta dilabelkan, data dicetak bagi tujuan analisis untuk melihat perubahan dan perbandingan yang berlaku terhadap guna tanah di daerah Manjung. Oleh itu, penghasilan peta ini dapat memaparkan corak perubahan guna tanah di daerah Manjung secara menyeluruh dan ini sekaligus dapat memenuhi objektif kajian yang ditetapkan (Rajah 1).



Rajah 1: Kaedah menganalisis data

Alatan ArGIS

Di samping itu, antara perisian yang digunakan dalam kajian ini seperti aplikasi ArcGIS 10.3. ArcGIS berfungsi sebagai instrumen kajian yang terdapat dalam bentuk. Syarikat Esri telah memperkenalkan satu perisian ArcGIS yang juga merupakan produk yang digunakan dalam bidang GIS secara meluas sehingga ke peringkat global. Perisian ArcMap 10.3 Desktop adalah satu keluaran paling baharu setelah dikemaskini dengan versi 10.3.0.4284 oleh Esri Inc. termasuk peningkatan fungsi dan menambak fungsi lain. Perisian ini menyediakan alat kontekstual dalam pemetaan dan pemikiran spatial agar pencarian data dan perkongsian pandangan dapat dilihat berdasarkan lokasi. ArcGIS dapat memberikan pemahaman yang lebih mudah selain memberi peluang agar kita dapat melihat dengan lebih jelas dan cepat sesuatu keadaan berlaku serta cara maklumat tersebut dihubungkan.

Oleh itu, aplikasi ArcMap yang terdapat dalam perisian ArcGIS digunakan untuk menganalisis kawasan guna tanah di daerah Manjung dari tahun 2012 hingga 2018. Tambahan lagi, antara aplikasi lain yang terdapat dalam perisian ArcGIS juga seperti ArcCatalog, ArcGlobe atau ArcScene untuk tujuan membina peta, menyimpan data geografi, membuat analisis spatial serta berkongsi hasil yang telah diperoleh.

Pengelasan Guna Tanah

Dalam membincangkan perubahan guna tanah yang wujud dalam jangka masa enam tahun yang berlaku dalam daerah Manjung, ketetapan telah dilakukan untuk memilih empat sahaja guna tanah yang utama iaitu guna tanah pertanian, hutan, badan air dan tepu bina. Pengelasan ini telah disesuaikan daripada pengelasan yang telah dibuat oleh pihak Jabatan Perancangan Bandar dan Desa seperti yang dirujuk dalam Draf Rancangan Tempatan Daerah Manjung 2030 (Majlis Perbandaran Manjung, n.d) dan ditunjukkan dalam Jadual 1 dan Jadual 2.

Jadual 2: Kategori guna tanah oleh Jabatan Perancangan Bandar & Desa

Kategori Guna Tanah	Keterangan
Hutan	Meliputi hutan asli, hutan ladang, hutan untuk tujuan pengeluaran, perlindungan, pelbagaigunaan atau pemeliharaan, perlindungan, pelbagaigunaan atau pemeliharaan (taman negara, hutan simpan dan lain-lain kawasan perlindungan).
Kawasan ekologi semula jadi/ Badan air	Merujuk kepada kawasan air terkumpul seperti lautan dan tasik serta lagun dan tanah bencah (wetlands). Terdapat juga badan air buatan manusia (man-made) seperti lombong dan empangan.
Pertanian	Penanaman apa-apa tanaman (termasuk pokok-pokok yang ditanam bagi maksud mendapatkan hasilnya), penternakan atau akuakultur.

Industri	Perusahaan (biasanya secara besar-besaran) untuk membuat, menghasilkan atau mengeluarkan produk.
Infrastruktur dan utiliti / Pengangkutan	Kemudahan dan perkhidmatan asas seperti kemudahan bekalan elektrik, air, pembetulan yang perlu bagi pembangunan /Infrastruktur berkenaan pembawaan (barang-barang dll) dari satu tempat ke tempat lain.
Institusi dan kemudahan masyarakat	Aktiviti termasuk institusi kerajaan dan kemudahan masyarakat yang disediakan oleh agensi awam berkaitan /swasta.
Perumahan	Kumpulan rumah atau rumah-rumah tempat tinggal.
Perniagaan dan perkhidmatan/ Perdagangan	Aktiviti perniagaan yang melibatkan jual beli barang atau menyediakan perkhidmatan.
Tanah kosong	Tanah milik / tanah kerajaan yang masih belum dibangunkan atau lot yang telah dibangunkan tetapi terbengkalai, lot untuk pembangunan masa hadapan sama ada dalam keadaan asal atau telah dijalankan kerja tanah.
Tanah lapang dan rekreasi	Tanah lapang ialah kawasan yang dirizabkan sebagai taman bunga awam, taman awam dan padang sukan serta zon penampungan. Rekreasi pula adalah tempat atau premis terbuka atau tertutup untuk tujuan rekreasi.

Jadual 2: Pengelasan Guna Tanah Yang Digunakan Di Kawasan Kajian

Kategori Guna Tanah	Keterangan
Hutan	Meliputi hutan asli, hutan ladang, hutan untuk tujuan pengeluaran, perlindungan, pelbagai guna atau pemeliharaan, perlindungan, pelbagai guna atau pemeliharaan (taman negara, hutan simpan dan lain-lain kawasan perlindungan).
Pertanian	Penanaman apa-apa tanaman (termasuk pokok-pokok yang ditanam bagi maksud mendapatkan hasilnya), penternakan atau akuakultur.
Badan Air	Merujuk kepada kawasan air terkumpul seperti lautan dan tasik serta lagun dan tanah bencah (wetlands). Terdapat juga badan air buatan manusia (man-made) seperti lombong dan empangan.
Tepu Bina	Merujuk kepada kategori guna tanah Industri, Infrastruktur dan utiliti / Pengangkutan, Institusi dan kemudahan masyarakat, Perumahan, Perniagaan dan perkhidmatan/Perdagangan, Tanah kosong, Tanah lapang dan rekreasi

Dapatan Kajian Dan Perbincangan

Jenis Guna Tanah Utama di Daerah Manjung Bagi Tahun 2012 – 2018.

Daerah Manjung merupakan salah satu daerah yang semakin pesat membangun di negeri Perak. Justeru itu, daripada tinjauan lapangan menunjukkan banyak kawasan telah dibangunkan untuk dijadikan kawasan petempatan dan pembinaan lebuh raya baharu, guna tanah pertanian masih lagi didominasi di daerah Manjung ini iaitu 71.8 peratus. Guna tanah hutan pula adalah guna tanah kedua terbesar iaitu 12.79 peratus dan diikuti dengan guna tanah badan air (4.03%), guna tanah perumahan (3.69%) dan tanah kosong (2.95%). Guna tanah lain bagi tahun 2018 di daerah Manjung ditunjukkan dalam Jadual 3.

Jadual 3: Guna tanah semasa di daerah Manjung, 2018

Bil.	Guna tanah	Peratus (%)
1	Pertanian	71.8
2	Hutan	12.79
3	Badan air	4.03
4	Perumahan	3.69
5	Tanah kosong	2.95
6	Institusi dan kemudahan masyarakat	1.62
7	Industri	1.10
8	Infrastruktur dan utiliti	0.73
9	Komersil	0.69
10	Tanah lapang dan rekreasi	0.38
11	Pengangkutan	0.23
	Jumlah	100

Guna tanah pertanian merujuk kepada penanaman apa-apa tanaman (termasuk pokok-pokok yang ditanam bagi maksud mendapatkan hasilnya), penternakan atau akuakultur (Majlis Perbandaran Manjung, n.d). Berdasarkan peta guna tanah tahun 2018, guna tanah pertanian masih lagi mendominasi di mukim Lekir, Beruas, Pengkalan Baharu dan Sitiawan (Foto 1 & Foto 2). Didapati sempadan kawasan antara Ayer Tawar dan Manjung masih terdapat aktiviti penanaman kelapa sawit secara besar-besaran dan terdapat aktiviti akuakultur di sungai Manjung.



Foto 1: Aktiviti pertanian kelapa sawit merupakan tanaman utama di daerah Manjung



Foto 2: Aktiviti akuakultur giat dijalankan di sungai Manjung.

Guna tanah hutan pula meliputi hutan asli, hutan ladang, hutan untuk tujuan pengeluaran, perlindungan, pelbagaigunaan atau pemeliharaan, perlindungan, pelbagaigunaan atau pemeliharaan (Majlis Perbandaran Manjung, n.d). Umumnya kawasan hutan simpan di daerah Manjung ini terdiri daripada hutan paya bakau yang terletak di sepanjang pinggir pantai daerah ini khususnya di sebelah utara. Hutan paya bakau ini dikekalkan bagi tujuan ekosistem semula jadi dan zon penampungan. Terdapat sedikit hutan bukit pantai di pulau Pangkor dan Segari Melintang yang perlu dikekalkan sebagai salah satu tarikan ekopelancongan (Foto 3 & Foto 4). Selain itu, terdapat juga hutan lipur Ulu Licin yang terletak dalam Hutan Simpan Bubu di Beruas.



Foto 3: Hutan paya laut di Seri Manjung.



Foto 4: Hutan bukit pantai di Segari Melintang.

Tidak dapat dinafikan bahawa daerah Manjung semakin pesat membangun. Dahulunya sebagai pekan-pekan kecil tetapi kini semakin membangun seperti Sitiawan, Pantai Remis, Sitiawan, Seri Manjung dan Lumut. Didapati pekan Sitiawan seolah-olah bercantum dengan kawasan Seri Manjung dan membentuk sebuah petempatan yang semakin besar dan memberikan pelbagai perkhidmatan kepada masyarakat. Justeru, guna tanah perumahan, insitusi dan kemudahan masyarakat, komersil dan industri semakin meningkat di daerah Manjung ini (Foto 5). Guna tanah kosong juga merupakan guna tanah yang terbesar memandangkan banyak kawasan baru yang akan dibina dengan kawasan perumahan, industri dan komersil yang lain (Foto 6). Guna tanah tanah kosong merujuk kepada tanah milik / tanah kerajaan yang masih belum dibangunkan atau lot yang telah dibangunkan tetapi terbengkalai, lot untuk pembangunan masa hadapan sama ada dalam keadaan asal atau telah dijalankan kerja tanah (Majlis Perbandaran Manjung, n.d).



Foto 5: Kawasan Seri Manjung yang semakin pesat membangun.



Foto 6: Kawasan tanah kosong yang akan dibangunkan dengan pelbagai aktiviti.

Selain pembangunan pesat di Seri Manjung, didapati rebakan pembangunan turut berlaku ke arah Lumut dan Pantai Remis. Didapati guna tanah komersil, petempatan dan pengangkutan iaitu pembinaan lebuhraya WCE menambahkan lagi kerancakan lagi pembangunan di daerah Manjung. Sebagai contoh di Pantai Remis didapati pekan yang semakin pesat membangun, telah banyak terdapat fasiliti dan sektor perkhidmatan semakin bertambah seperti bank dan banyak rumah kedai baru dibina di sepanjang pekan Pantai Remis tersebut (Foto 7). Pekan Ayer Tawar pula telah terdapat banyak hotel-hotel bajet bagi menampung keperluan pelancong yang datang ke kawasan ini khususnya ke Pulau Pangkor (Foto 8).



Foto 7: Pelbagai kemudahan dan perkhidmatan di Pekan Pantai Remis.



Foto 8: Pekan Ayer Tawar.

Daerah Manjung juga berpotensi untuk terus membangun memandangkan pembinaan Lebuhraya Pantai Barat (WCE) yang menghubungkan Taiping, Perak dan Banting, Selangor. Justeru, pembinaan WCE menjadi pemangkin kepada pembangunan di daerah Manjung. Terdapat lima persimpangan keluar/masuk bagi lebuhraya ini di daerah Manjung yang bermula di kawasan selatan iaitu Lekir, Sitiawan, Sitiawan Utara, Changkat Cermin dan Beruas (Foto 9). Jaringan pengangkutan ini akan menyebabkan pembangunan di daerah Manjung semakin meningkat dan aktiviti pelancongan khususnya di Lumut dan Pulau Pangkor akan menerima limpahan pembangunan ini. Secara tidak langsung, jaringan lebuhraya yang ada persimpangan keluar/masuk akan memberi kesan iaitu jangkaan pembangunan akan lebih pesat pada masa akan datang di kawasan-kawasan berkenaan.



Foto 9: Lebuhraya Pantai (WCE) di kawasan Sitiawan.

Guna tanah badan air juga merupakan salah satu guna tanah yang terbesar di daerah Manjung. Guna tanah badan air merujuk kepada kawasan air terkumpul seperti lautan dan tasik serta lagun dan tanah bencah (wetlands). Terdapat juga badan air buatan manusia (man-made) seperti lombong dan empangan (Majlis Perbandaran Manjung, n.d). Di daerah Manjung ini, badan air utama ialah Sungai Manjung dan Sungai Beruas. Kepentingan sungai Manjung ini adalah sebagai pelabuhan Lumut dan industri pekapalan. Selain itu, aktiviti akuakultur turut dijalankan di sungai ini.

Selain, Seri Manjung yang dianggap sebagai bandar baru yang semakin pesat membangun, didapati Bandar Sitiawan masih lagi kekal dengan ciri bandar lamanya (Foto 10). Didapati Bandar Sitiawan tidak berkembang dengan pesat seperti Seri Manjung tetapi banyak sektor perkhidmatan terkini ditawarkan di bandar ini seperti kedai telefon, makanan segera, hotel bajet dan sebagainya. Di Seri Manjung terdapat segala kemudahan, perkhidmatan, pusat perniagaan dan pentadbiran bagi daerah Manjung. Secara tidak langsung, kepesatan pembangunan Seri Manjung bagi menampung sektor pelancongan di bandar Lumut untuk ke Pulau Pangkor dan kawasan perkelahan di Teluk Batik.



Foto 10: Bandar Sitiawan.

Di bandar Lumut pula tidak ada rebakan pembangunan yang pesat berlaku. Namun begitu, telah peningkatan infrastruktur untuk aktiviti pelancongan iaitu landskap telah dibaik pulih bagi keselesaan pelancong (Foto 4.11). Sementara itu, banyak kawasan perumahan baru, rumah kedai, kondominium dan hotel bajet telah dibina di sepanjang jalan dari Lumut ke Teluk Batik yang sudah pastinya untuk memenuhi keperluan para pelancong dan juga penduduk setempat.

Perkhidmatan feri Pulau Pangkor di Bandar Lumut juga semakin bertambah baik di samping terdapat satu jeti iaitu di Marina sebagai alternatif pelancong ke Pulau Pangkor (Foto 4.12). Namun begitu, di kawasan Marina, segala kemudahan dan infrastruktur telah disediakan dengan baik tetapi masih banyak rumah kedai yang kosong dan perlu langkah agresif diambil oleh pihak kerajaan untuk memajukan kawasan tersebut.



Foto 11: Landskap di Bandar Lumut sebagai tarikan pelancongan.



Foto 12: Marina Island


Analisis Perubahan Guna Tanah Di Daerah Manjung Bagi Tahun 2012 – 2018.

Analisis perubahan guna tanah di daerah Manjung ini melibatkan jangka masa dari tahun 2012 hingga 2018 atau dalam tempoh masa enam tahun memandangkan perolehan data yang terhad. Pada asasnya dalam bahagian metodologi telah pun membincangkan penggunaan GIS dalam mendapatkan jumlah perubahan setiap jenis guna tanah dengan mendigit peta dan melakukan analisis topologi.


Penggunaan analisis topologi dalam GIS adalah untuk membentuk keluasan bagi poligon yang merujuk kepada guna tanah. Pengiraan asas dibuat dalam bentuk sistem metrik yang mana apabila selesai analisis topologi dibuat maka setiap poligon akan menunjukkan keluasannya. Bagi memudahkan menganalisis perubahan corak guna tanah di daerah Manjung ini, empat jenis guna tanah utama telah dibuat bagi menampakkan corak perubahan guna tanah tersebut iaitu guna tanah hutan, pertanian, badan air dan tepu bina seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4. Sementara itu, Rajah 1 hingga Rajah 3 menunjukkan perubahan guna tanah di daerah Manjung dari tahun 2012 hingga 2018.

Tahun/ Guna tanah	2012	%	2014	%	2018	%	Δ Relatif 2012-2018 (%)
Pertanian	73.23		73.03		71.80		- 1.43
Hutan	12.66		12.66		12.79		+ 0.13
Badan Air	4.74		4.77		4.03		- 0.71
Tepu Bina	9.37		9.54		11.38		+2.01
Jumlah	100		100		100		


Jadual 4: Perubahan peratusan guna tanah di daerah Manjung



Rajah 1: Guna tanah daerah Manjung tahun 2012



Rajah 2: Guna tanah daerah Manjung tahun 2014



Rajah 3: Guna tanah daerah Manjung tahun 2018

Secara keseluruhannya, keluasan guna tanah pertanian dan badan air telah menunjukkan trend pengurangan berbanding guna tanah yang lain di dalam daerah Manjung ini. Guna tanah pertanian menunjukkan keluasan yang berkurangan dari tahun ke tahun. Pada tahun 2012, peratus kawasan pertanian adalah 73.23 peratus dan berkurangan pada tahun 2018 iaitu 71.80 peratus. Peratusan pengurangan kawasan pertanian adalah paling ketara berlaku dalam tempoh 2014 hingga 2018 iaitu pengurangan sebanyak 1.23 peratus. Oleh itu, guna tanah pertanian di daerah Manjung ini telah berubah dan dijadikan kawasan untuk kegunaan pelbagai aktiviti manusia khususnya seperti institusi dan kemudahan masyarakat; perniagaan dan perkhidmatan; serta infrastruktur dan utiliti. Menurut Nur Hakimah dan Lam (2016) guna tanah pertanian khususnya bagi tanaman pokok getah adalah semakin berkurangan di daerah Gombak digantikan dengan tanaman kelapa sawit serta aktiviti tepu bina yang lain. Sementara itu, tinjauan di lapangan mendapati terdapat kawasan pertanian iaitu tanaman kelapa sawit telah diambil alih bagi pembinaan lebuh raya Pantai Barat (West Coast Expressway - WCE).

Keluasan guna tanah badan air juga menunjukkan pengurangan yang agak ketara dari tahun 2012 hingga 2018. Terdapat kawasan badan air khususnya di muara sungai telah dibangunkan sebagai kawasan pelabuhan dan pendaratan bot-bot nelayan. Tidak dinafikan bahawa Pelabuhan Lumut telah merencanakan lagi perubahan guna tanah dan memberi kesan kepada perubahan guna tanah yang lain. Didapati pada tahun 2012 peratusan perubahan keluasan badan air adalah 4.74 peratus kepada 4.03 peratus. Terdapat banyak kawasan badan air telah ditebusguna untuk kegunaan pelbagai aktiviti manusia. Sebagai contoh, di kawasan lembangan Sungai Kinta yang merupakan kawasan bekas lombong bijih timah dan ini telah mendorong kerajaan untuk menebus guna kawasan tersebut untuk dijadikan kawasan pertanian, bandar baru dan petempatan penduduk (Mohmadisa, 2014) selain dijadikan sebagai kawasan penternakan haiwan seperti itik dan angsa. Kajian oleh Antonio dan Abdul Munir Hafizy (2020) di Penampang, Sabah juga menunjukkan kawasan badan air yang berkurangan dari tahun 2008 hingga 2014 yang melibatkan kawasan sungai, anak sungai dan tasik.

Tidak dinafikan, biasanya kawasan hutan akan terpaksa dikorbankan atas nama pembangunan. Namun, dalam hal ini guna tanah hutan di daerah Manjung ini telah dikekalkan keluasannya dan jumlah ini meningkat iaitu daripada 12.66 peratus pada tahun 2012 kepada 12.79 peratus pada tahun 2018 iaitu peningkatan sebanyak 0.13 peratus. Dapatan kajian ini sedikit bertentangan dengan kajian-kajian terdahulu yang menunjukkan banyak kawasan hutan yang diteroka untuk memberi laluan kepada aktiviti pembangunan lain seperti pertanian, pembandaran dan perumahan (Antonio & Abdul Munir Hafizy, 2020; Nur Hakimah & Lam, 2016; Nur Syabeera Begum & Firuza Begum, 2019; Yusri et al., 2010).

Peningkatan kawasan hutan di daerah Manjung ini disebabkan oleh dasar kerajaan negeri untuk mengekalkan dan memulihara kawasan hutan simpan. Sebagai contoh, hutan bukit pantai di Hutan Simpan Segari Melintang dikekalkan untuk kehidupan flora dan fauna.

Guna tanah tepu bina juga turut meningkat apabila keluasannya meningkat setiap tahun iaitu dari tahun 2012 hingga 2018. Guna tanah terbina di sini merujuk kepada guna tanah infrastruktur dan utiliti, institusi dan kemudahan masyarakat; perniagaan dan perkhidmatan atau perdagangan; dan tanah lapang dan rekreasi. Pada tahun 2012 dan 2014, peratusan keluasan bagi guna tanah tepu bina telah meningkat dari 9.37 peratus (2012) kepada 9.54 peratus (2014) dan naik agak mendadak pada tahun 2018 iaitu 11.38 peratus. Didapati peratus perubahan relatif dalam tempoh enam tahun ini adalah 2.01 peratus iaitu peratus perubahan yang paling tinggi berbanding guna tanah lain. Tidak dapat dinafikan bahawa pembinaan lebuh raya WCE yang sudah beroperasi sekarang ini menjadi penyumbang kepada peningkatan guna tanah ini. Selain itu, guna tanah tepu bina ini boleh dikesan melalui kepesatan pembangunan yang berlaku di Seri Manjung dan kawasan sekitarnya. Terdapat banyak rumah kedai, pusat perniagaan dan pasaraya mega telah dibangunkan di sekitar kawasan tersebut. Perubahan guna tanah tepu bina ini yang meningkat pada setiap tahun telah disokong oleh kajian-kajian terdahulu seperti Antonio dan Abdul Munir Hafizy (2020), Nur Hakimah dan Lam (2016) serta Nur Syabeera Begum dan Firuza Begum (2019).

Sementara itu, bagi guna tanah tepu bina yang melibatkan insituti dan kemudahan masyarakat juga turut meningkat pada setiap tahun. Jumlah peratus keluasan yang sama dicatatkan bagi tahun 2012 dan 2014 iaitu 1.54 peratus dan meningkat sedikit pada tahun 2018 iaitu 1.62 peratus. Keluasan bagi tanah lapang dan rekreasi juga menunjukkan peningkatan khususnya di Bandar Lumut bagi tujuan rekreasi dan pelancongan. Pada tahun 2012, peratus guna tanah untuk tanah lapang dan rekreasi ialah 0.19 peratus tetapi menurun sedikit pada tahun 2014 (0.18%) tetapi meningkat semula pada tahun 2018 iaitu 0.38 peratus. Keadaan ini bertepatan dengan dasar yang dibawa oleh pihak Majlis Perbandaran Manjung untuk menjadikan daerah ini sebagai daerah pelancongan dan maritim.

Secara keseluruhannya, perubahan guna tanah telah disebabkan oleh pelbagai faktor di mana yang paling utama disebabkan oleh aktiviti manusia yang memerlukan kawasan tersebut untuk kegunaan mereka sendiri seperti pembinaan petempatan, kawasan perindustrian dan perbandaran. Perubahan ini seterusnya telah mengganggu ekosistem persekitaran semula jadi tetapi dalam pada masa yang sama turut memberi kesan positif kepada sosio ekonomi penduduk.

Namun begitu, pembangunan tanpa kawalan boleh menjejaskan kualiti alam sekitar seperti masalah pencemaran air, udara, bunyi dan pembuangan sisa pepejal. Untuk itu, pembangunan yang dilakukan di dalam daerah ini perlu selari dengan dasar pembangunan lestari.

Kesimpulan

Perubahan guna tanah yang berlaku di daerah Manjung dapat ditunjukkan dengan menggunakan peta yang telah dihasilkan. Penghasilan peta tersebut berasaskan kepada peta guna tanah daerah Manjung yang diperoleh daripada Majlis Perbandaran Manjung. Selain itu, melalui peta yang dihasilkan juga turut menunjukkan kadar keluasan guna tanah bagi kawasan daerah tersebut. Dalam hal ini, terdapat dua jenis guna tanah yang menunjukkan pengurangan peratusan keluasan iaitu pertanian dan badan air. Guna tanah yang menunjukkan kadar peratus peningkatan ialah guna tanah hutan dan tepu bina. Didapati bahawa peratus pengurangan kawasan pertanian adalah yang paling ketara berlaku dalam tempoh enam tahun tersebut (-1.43%) dan peningkatan yang paling ketara ialah guna tanah tepu bina (+2.01%). Keadaan ini sangat disumbangkan oleh perubahan guna tanah pertanian untuk dijadikan guna tanah infrastruktur dan utiliti/pengangkutan iaitu pembinaan lebuh raya WCE.

Secara keseluruhannya, perubahan guna tanah di daerah Manjung ini dari tahun 2012 hingga 2018 telah dijelaskan dengan terperinci dengan merujuk kepada jenis-jenis guna tanah utama yang ada di daerah ini. Maklumat ini penting bagi pihak berkuasa tempatan untuk meneliti semula perancangan guna tanah yang sedang dilakukan atau yang hendak dilaksanakan agar perubahan guna tanah yang berlaku dapat memberi manfaat kepada persekitaran fizikal dan manusia di dalam daerah ini.

Penghargaan

Ucapan terima kasih kepada pihak Majlis Perbandaran Manjung kerana telah membekalkan peta guna tanah daerah Manjung serta bahan-bahan rujukan bagi penyediaan laporan penyelidikan dan artikel ini.

RUJUKAN

- Antonio Asik & Abdul Munir Hafizy Ladoni. (2020). Pemantauan perubahan guna tanah menggunakan aplikasi penderiaan jauh di Penampang, Sabah. *Journal of Borneo Social Transformation Studies (JOBSTS)*, 6(1), 219-237.
- Antrop, M. (2004). Landscape change and the urbanization process in Europe. *Landscape and Urban Planning*, 67(1-4), 9-26.
- Klaudyen, 5(1), 5-13.
- Diperoleh daripada <http://www.mpm.gov.my/ms/mpm/profil/latar-belakang>
- Majlis Perbandaran Manjung. (n.d). Draf Rancangan Tempatan Daerah Manjung 2030: Ringkasan eksekutif. Diperoleh daripada http://epublisiti.townplan.gov.my/turun/rt_manjung2030/ringkasan.pdf
- Mohamad Suhaily Yusri Che Ngah, Mohmadisa Hashim, Nasir Nayan, Yazid Saleh, & Zahid Mat Said. (2014). Analisis guna tanah dan implikasinya terhadap persekitaran fizikal lembangan sungai Bernam 1984-2004. *Jurnal Perspektif*, 6(1), 19-35.
- Mohmadisa Hashim. (2014). Impak hujan dan perubahan guna tanah terhadap Universiti Sains Malaysia (tidak diterbitkan).
- Nasir Nayan, Jamaluddin Md. Jahi, Abdul Latif Mohamed, Mohmadisa Hashim & Mohamad Suhaily Yusri Che Ngah. (2012). Pembangunan dan pencemaran: Pandangan masyarakat zon pinggir pantai di negeri Perak. Dlm. Haryati Shafii (ed.). *Transformasi pembangunan dan kelestarian alam sekitar*. Batu Pahat: Penerbit UTHM.
- Nur Hakimah Asnawi & Lam Kuok Choy. (2016). Analisis perubahan guna tanah dan litupan bumi di Gombak, Selangor menggunakan data penderiaan jauh. *Sains Malaysiana*, 45(12), 1869-1877.
- Nur Syabeera Begum Nasir Ahmad & Firuza Begum Mustafa. (2019). Analisis perubahan guna tanah Negeri Sembilan melalui aplikasi Sistem Maklumat Geografi (GIS). *GEOGRAFIA Malaysian Journal of Society and Space*, 15(1), 113-131.

Pejabat Tanah & Daerah Manjung. (2020). Portal rasmi Pejabat Tanah & Daerah Manjung. Diperoleh daripada <https://ptg.perak.gov.my/portal/web/manjung/info-ringkas>

Yusri, Othman A. Karim, Khairul Nizam Abdul Maulud, & Mohd Ekhwan Toriman (2010). Kajian kualitatif perubahan guna tanah kawasan bandar Pekanbaru dengan menggunakan sistem maklumat geografi (GIS). *Sains Malaysiana*, 39(5), 705–709.



UAV And Lidar : The Next Big Thing In Survey And Mapping

UAV dan LiDAR : Mendepani Peluang dan Cabaran Terkini dalam Ukur dan Pemetaan

Sr Edrin Mohd Eusoff

Bahagian Ukur dan Pemetaan,
Institut Tanah dan Ukur Negara, 35950 Behrang Ulu, Perak

e-mel: edrin@instun.gov.my

Abstract

Surveying is known as one of the earliest profession in the history of human kind. The basis of such claim was due to the fact from the historical evidence found in places such as Greek, Egypt Stonehenge and Mesopotamia in a form of equipment, documents and ancient drawings dated way back in the early of human civilization. It was believed that, as civilized community back then, they also had to work to make ends meet just like we are doing in this century. The majority of the working class people, they plant crops and with the profit they made from planting, they had to pay the tax according to the land area that they occupied. The function of surveying during those days was straight forward, which was to calculate the area for the purpose of tax collection by the authority. This was where the science and the knowledge of surveying began. The scientific effort to accurately determine the area of a plot of land and to map its features on to a paper are part of what land surveying was all about. Moving forward to this century, despite the dynamic of the technology, still the fundamental of surveying and the motivation of producing plans and maps remain unchanged. The elements that have grown rapidly from the past to the present are certainly in areas concerning the tools, gadgets, software and the application used in getting the surveying job done. Hence, this paper would discuss and to further explore the potential and the challenges of using this cutting edge technologies known as Unmanned Aerial Vehicle (UAV) and Light Detection and Ranging (LiDAR) because, in general, both are considered as the next big thing in survey and mapping.

Keywords : UAV, LiDAR, Total Station, Global Navigation Satellite System (GNSS), Cadastral Survey, Topographic Survey

Abstrak

Kerja ukur dikenali sebagai salah satu profesion yang terawal dalam sejarah ketamadunan manusia. Asas kepada fakta ini adalah berdasarkan kepada penemuan bukti yang terdapat di tempat-tempat peninggalan sejarah seperti Yunani, Mesir Stonehenge dan Mesopotamia dalam bentuk peralatan, dokumen dan gambar kuno yang menunjukkan aktiviti ukur telah bermula sejak awal peradaban manusia. Adalah difahamkan bahawa, sebagai masyarakat yang telah bertamadun pada masa itu, mereka juga harus bekerja untuk memenuhi keperluan asas hidup mereka. Sebilangan besar dari golongan orang kebanyakan, mereka bercucuk tanam dan dengan hasil dari usaha penanaman tersebut, digunakan untuk membayar cukai mengikut keluasan tanah yang mereka usahakan. Fungsi kerja ukur pada ketika itu adalah mudah, iaitu untuk mengira kawasan bagi tujuan kutipan cukai oleh pihak berkuasa. Maka di situlah sains dan pengetahuan mengenai kerja ukur mula berkembang. Usaha secara pengiraan saintifik untuk menentukan keluasan sebidang tanah dengan tepat dan memetakan butirannya ke atas kertas adalah sebahagian daripada matlamat kerja ukur tanah. Melangkah ke abad ini, walaupun dengan kepesatan kemajuan teknologi terkini, asas terhadap kerja ukur iaitu bagi menghasilkan pelan dan peta tetap tidak pernah berubah. Aspek yang berkembang pesat dari masa lalu hingga sekarang tentunya adalah dari segi kecanggihan peralatan, perisian dan aplikasi yang digunakan bagi memudahkan aktiviti pekerjaan ukur. Oleh itu, artikel ini akan membincangkan dan akan mengupas potensi serta cabaran dalam menggunakan teknologi yang canggih ini, iaitu Unmanned Aerial Vehicle (UAV) dan Light Detection and Ranging (LiDAR) kerana, secara umumnya, kedua-duanya adalah sangat berpotensi digunakan dalam aktiviti ukur dan pemetaan.

Kata kunci: UAV, LiDAR, Total Station, Sistem Penentuan Lokasi Sejagat (Global Navigation Satellite System), Ukur Kadaster, Ukur Topografi

Introduction

In general, there are several discipline in survey and mapping. Amongst them are Cadastral Survey, Mining Survey, Engineering Survey, Topographic Survey and Hydrographic Survey. Each discipline mentioned has its own method of data collecting, data processing, data analysing and data presentations. Basically, the effort of the data collected will be used as the basis in producing the relevant plans and maps according to the type of surveyed done. survey and mapping are now a huge industry. Both have evolved from using very basic equipment such as chain, measuring tapes and theodolites to Total Station (TST) and Global Navigation Satellite System (GNSS). To carryout survey especially topographic survey and cadastral survey using these conventional equipment may still be relevant. The time taken to complete the survey may vary according to the area being surveyed, the larger the area the more time it will take to complete the survey.

The surveying task is very much subjected to the weather condition and very depending on the workforce and labour. These issues were considered as among the setbacks before but with the development of the recent technologies such as UAV and LiDAR in surveying and mapping, we are now seeing many options and alternatives offered besides using the conventional way of doing survey and mapping. What makes UAV so different from the conventional equipment of doing survey is that operating UAV for survey and mapping doesn't require as many people as operating conventional survey equipment. UAV is an autonomous flying vehicle which does not require a pilot on board and suitable for surveying small area by capturing data through the RGB (Red, Green, Blue) camera mounted on the UAV. The photo captured will undergo specific process through photogrammetry technique. Whereas LiDAR is fundamentally a distance technology. From an airplane, helicopter or UAV, LiDAR systems send light to the ground. This pulse hits the ground and returns to the sensor. Then, it measures how long it takes for the light to return back to the sensor. By recording the return time, this is how LiDAR measures distance. In fact, this is also how LiDAR got its name – Light Detection and Ranging. The big question now revolves around whether this UAV and LiDAR are able to replace certain segment in survey and mapping functions.

Methodology

Taking into the consideration of the wide range in Surveying and Mapping, this paper will be focusing on 2 surveying discipline, namely topographic survey and cadastral survey. In essence, carrying-out topographic survey and cadastral survey are to produce maps or plans. The most important and critical information on a map or a plan is the scale. Topographic maps as shown in Figure 1 are usually known having relatively small scale (ranging from 1 : 10,000 to 1 : 50,000) compared to cadastral plan where the scale are relatively bigger (ranging from 1 : 250 to 1 : 500). To put things into perspective how to relate the scale factor between topographic map and a cadastral map are by looking on the general character.

For topographic map of Peninsular Malaysia, Kuala Lumpur and other cities in Malaysia are being represented just by a single dot. Each dot for each city. Where as in cadastral plan (in cadastral, the terms used is plan rather than map) is a very focused plan of a small area showing details such as the boundary line of the surveyed land parcel, the lot number and the bearings and distance of the boundary lines.

The purpose of topographic survey is to gather survey data or also known as geospatial data that comprise the natural and man-made features of land, as well as its elevations. From this information, a three dimensional map can be produced. For cadastral survey, the main purpose is purely for the issuance of the land title. This is done by accurately planting the boundary monument on each corner of the land parcel after being determined of its distance and the horizontal angle or bearings. The drawings of the boundaries for that particular land parcel later being transferred onto a plan for verification and used for land title registration.

The most common equipment and widely used in topographic and cadastral survey are Total Station (TST) and Global Navigational Satellite System (GNSS). TST can be considered as a modern surveying equipment compared to the more previous equipment in surveying such as theodolite, chain and measuring tape. While a theodolite is an instrument which is used primarily to measure angles, both horizontal and vertical, TST is an electronic theodolite (transit) integrated with an electronic distance measurement (EDM) to read slope distances from the instrument to a particular point, and an on-board computer to collect data and perform advanced coordinate based calculations.

The scope of discussion in this paper will be in the context of looking and weighing the factor such as, the duration of the surveying being done, the estimation of cost, labour and the quality of the end result of the product. In this manner, the main product of the surveying works are map and plan.

background Study

Through the years of understanding, experiencing and observing fellow surveyors and practitioners in the surveying field, carrying out topographic survey and cadastral survey be it with theodolite, TST or GNSS do have its own strengths and weaknesses. Elements such as the cost incurred of using the equipment, the availability of workforce in carrying-out surveying task are definitely on the advantages side. The downside however is the time taken to complete the survey for that particular area. Huge area requires more time to complete the survey be it topographic or cadastral. Other factors that also affect the duration of carrying out survey are the density, the natural features and the terrain of the area being surveyed. In this regards, prior making statement and to further justify whether if UAV and LiDAR really are “The New Big Thing in Survey and Mapping”, it is by right, that the current equipment being used in Survey and Mapping be also discussed.

Topographic Survey Using Total Station

Basically, the main objective of topographic survey is to produce topographic map. The equipment widely used in topographic survey is using Total Station (TST) as shown in Figure 2, an instrument that integrates electronic and optical function for high accuracy of distance, horizontal and slope angle measurement.




Figure 1: Topographic map of Gemencheh, Negeri Sembilan, one example of end product of topographic survey




Figure 2: Total Station

The norm in carrying out topographic survey using TST can be seen in the Table 1 and 2 shown below. This norm is being used in the Land Surveying Unit, Public Works Department (Jabatan Kerja Raya – JKR) as the guidelines in monitoring their Surveying fieldworkers on their work progress done in relation to topographic survey. Table 1, showing the norms for area that is clear from any obstacle and with less clearance works needed. Table 2, showing the norms for area that is with obstacle and with many extra clearing groundwork's needed due to the nature of its physical terrain. To give the perspective of the difference between the both, try imagining surveying a plot of land where it is clear as a soccer field and has clear view on all corners of the survey area compared to an area that is filled with trees, bushes, uneven topographic surface where clearance work need to be done prior making any observation through the TST.

The concept of using TST in topographic survey is through establishing the perimeter by traversing the area of interest and getting all the features by calculating the bearing and distance of the features so that all the data collected are able to be correctly scaled and transferred to other medium, that will later be known as a map or a plan.

Table 1: Normal area

Area (ha)	Duration (days)
1 – 1.9	3
2 – 2.9	5
3 – 4.9	7
5 – 7.9	9
8 – 11.9	11
12 – 15.9	13
16 – 19.9	15
20 – 24.9	17
25 above	19

Table 2: High density/hilly/bushy area

Area (ha)	Duration (days)
1 – 1.9	3
2 – 2.9	5
3 – 4.9	7
5 – 7.9	9
8 – 11.9	11
12 – 15.9	13
16 – 19.9	15
20 – 24.9	17
25 above	19

Cadastral Survey Using Total Station

Malaysian Cadastral system is based on the Torrens System which basically consists of 2 vital components namely; land registration and cadastral survey. (Hj. Mohammad Yunus Yusoff et al., 2013). Carrying out cadastral survey is about making the technical effort to accurately measure the boundary of a plot of land for the purpose of issuing land title. The product of cadastral survey for this particular purpose is a certified plan as shown on Figure 3. Malaysia is fortunate to be acknowledged as being having amongst the best practices in cadastral system in the world (C.K. Lim et al., 2016). The leading agency in Cadastral Surveying in the country is non-other than Department of Survey and Mapping or better known as JUPEM.

Since the early 90's, JUPEM has embarked on the modernization of the cadastral survey system in stages in line with the advancement of computer technology. With utilising the modern day surveying equipment such as TST and GNSS, JUPEM on average, via it's Survey District Offices throughout the country are able to produce 0.5 hectare of land parcel surveyed per surveying team per day. The details of the average performance between the surveyed area and the days taken are as Table 3 below.

Table 3 : Average performance of cadastral survey done by 6 team of Surveyors in Survey Office Pulau Pinang, June 2020

Surveyor	Days	Area (Ha)	Average (Ha) per day
A	3.3	0.4	0.1
B	2.3	3.7	1.6
C	2.8	1.6	0.6
D	2.4	0.1	0.1
E	3.1	0.4	0.1
F	1.8	1.3	0.7
Total	15.7	7.5	0.5




Figure 3: A certified plan for Cadastral as the product of cadastral surveyed done

Topographic Survey Using UAV

UAV by definition is an unmanned aircraft which operates remotely controlled, semi-autonomously, or autonomously, without a pilot sitting in the vehicle (Eisenbeiss, 2009). In the recent years, UAVs were most often associated with the military due to its cost and the availability of the positioning satellite system for civilian. But as the cost of the technology are now becoming cheaper and the availability of the positioning system has been open to civilian use, we are now seeing wider functions of UAV or also known as drone as shown as Figure 5 and 6.



Figure 5: Drone- DJI Phantom 4 Pro

This range of civilian roles includes rescue, surveillance, traffic monitoring, weather monitoring and firefighting, to personal drones, business drone-based photography, as well as videography, agriculture and last but not least in survey and mapping. As highlighted earlier in this paper, UAV in topographic surveying will be the main discussion.

Topographic mapping using UAV requires the technical process of photogrammetry as shown on Figure 7. Photogrammetry is the science of making measurements from photographs. In photogrammetry, a UAV captures a large number of high-resolution photos over an area. These images overlap such that the same point on the ground is visible in multiple photos and from different vantage points. This process with the assistance of photogrammetry softwares will generate an orthophoto. An orthophoto is a corrected version of the aerial photograph that has been rectified and is as good as a map in terms of the scale and the map projection. Meaning to say, for an orthophoto scale 1:10,000, 1cm on the orthophoto is equivalent to 100 m on the ground.




Figure 6: UAV- Capturing photograph of topographic data of on an area



Figure 7: Photogrammetric process of Aerial Photograph

The cost of a typical UAV platform for Survey and Mapping purposes depends on the on-board instrumentation, payload, flight autonomy, type of platform and degree of automation needed for its specific applications. Low-cost solutions are not usually able to perform autonomous flights, but they always require human assistance in the take-off and landing phases.

Topographic Survey Using UAV LiDAR

Alongside photogrammetry, airborne LiDAR is an established method for measuring and modelling the Earth's surface. However, improvements in size, weight and power requirements mean that LiDAR is now increasingly capable of being operated from UAV, or better known as UAV LiDAR as shown on Figure 8.




Figure 8: UAV with a mounted LiDAR as payload (UAV LiDAR)

What makes LiDAR so effective in topographic mapping is the capability to direct 3D measurements for the target and penetration of the beam through vegetation to collect information from objects and the ground beneath. The light wave front passing through the vegetation produces information on the vegetation as a side product. To yield such information, certain principles of laser ranging have to be deployed. The traditional way to gain long-range measurements is to shoot powerful laser pulses towards the target and collect the backscattering signal. The signal then is processed to detect object at distinct ranges within the beam illumination area. These systems are the current mainstream and use of spectral wavelength to convey the data collection.

Mapping Application Using UAV LiDAR

In a research paper by M.V.Machado et al., 2019, on Evaluation Of Multiple Linear Regression Model To Obtain DBH Of Trees Using Data From A Lightweight Laser Scanning System On-Board a UAV, it was said that vegetation mapping requires information about trees and underlying vegetation to ensure proper management of the urban and forest environments. This information can be obtained using remote sensors. For instance, lightweight systems composed of UAV as a platform, low-cost laser units and the recent miniaturized navigation sensors (positioning and orientation) have become a very feasible and flexible alternative.

The usage of LiDAR was also carried out for Valuing Forest Stand at a Glance With UAV Based LiDAR based on a research paper by Udaya Vepakomma et al., 2019. In that paper, it was concluded that knowing the value of the forest stand before it is harvested helps in the predictability of the expected wood product basket. The availability of quick turnaround, flexible, low cost, rich and highly accurate scanning through remote sensing technologies like UAV based LiDAR (ULS) offers great potential for automated bucking where each tree can be analyzed at the stump for optimizing its market value. In this sense, UAV LiDAR are more powerful than photogrammetry UAV that is based on RGB Camera because its ability to scan and getting millions of point clouds for 3D data processing. The difference of UAV LiDAR and photogrammetry UAV can be seen in Figure 9.




Figure 9: Comparison between Mapping using UAV Photogrammetry and LiDAR

Discussion

The industrial players and communities in the survey and mapping are embracing this the new technology for many reasons. Many research have been done and many more research relating to survey and mapping are taking place because of its potential and capabilities in data capture.

According to the guidelines by the Surveying Unit, Public Works Department of Malaysia (JKR), for area exceeding 25 hectare, 20 days or more needed to complete the surveying and also subject to the level of difficulties of the terrain using a total station for area with high density and hilly features. This would indirectly imply that the estimation duration to carryout topographic survey for INSTUN's area of 80.91 hectare, as shown on Figure 12 would roughly take more or less 64 days for the survey to be completed.




Figure 10: Inset of Certified Plan of INSTUN, showing 80.91 hectare of area

On the other hand, using the UAV to carryout photogrammetric survey for the same INSTUN's area of 80.91 hectare using DJI Phantom 4 Pro would approximately take only 5 days at most, that is 3 hours of flying as per flight planning for topographic data collection, 2 hours of 4 ground control points (GCPs) observation using Real Time Kinematic (RTK) GPS method. Although GCPs are not essential element in UAV mapping, but GCPs will greatly increase the global accuracy of UAV mapping deliverables. The 4 days remaining used in processing the data to generate orthophoto as shown on Figure 13 from aerial photo and finally the digitizing process to produce a topographic map. As to put all parameters that consist of accuracy, cost, labour and duration into perspective on where these surveying equipment stand in terms of its performance in carrying out surveying for the area of interest of 80.92 hectare, the scope of parameters are defined and simplified as Table 4 below.

Table 4 : Parameters of Surveying 80.92 ha of land based on intruments specifications and PWD guidelines on carrying out topographic survey

Equipment	Model	Accuracy (distance measurement)	Cost* (of the equipment)	Labour	Duration (Days)
Total Station	Topcon ES 105 (or any other Total Station with equivalent specification)	2mm	RM 30,000	5 pax	64
UAV	DJI Phantom 4 Pro	50mm	RM 10,000	2 pax	5
LiDAR	Mini Genius LiDAR System (Mounted on DJI Matrice 300)	100mm	RM 250,000	2 pax	5

** Approximated cost are based on the current value from variety of sources and used only for the purpose of making a reasonable parameter on this paper, it should not to be taken beyond this context*

As can be seen on the table, for accuracy, TST top the score with 2mm level of accuracy reading while UAV and LiDAR scored 50mm and 100mm respectively. This is an indication that industrial player will still prefer TST rather than UAV and LiDAR when certain job requires high level of accuracy especially for job such as cadastral survey, engineering survey and geodetic survey. In terms of duration for completion the surveying task both LiDAR and UAV only require 5 days to cover the whole area of interest while TST will be needing more or less 64 days on completing surveying for the same area of interest.



Figure 11: Orthophoto (Aerial Photo taken by UAV) of INSTUN, 80.91 hectare

For most of the applications of UAV LiDAR or camera data, accuracy is the most important requirement. Accuracy can be quantified in absolute and relative accuracy. Absolute accuracy is how accurate the point cloud is in relation to known points in any given coordinate system. Relative accuracy is how accurate the point cloud is relative to itself. For this particular UAV LiDAR, 100mm is the absolute accuracy. It is believed that, while accuracy remains as the priority in surveying and mapping, LiDAR actually came to existence for satisfying the purpose of other mapping applications such as producing an accurate Digital Terrain Model (DTM) and contours as shown on Figure 14. The demand of such deliverables by UAV LiDAR have been greatly increased from time to time, in line with the advancing technology and research in LiDAR.




Figure 12: Digital Terrain Model of an area of interest from LiDAR

In cadastral survey, it is well understood, that LiDAR technology may not seems to excite players from this cluster due the high cost and how relatively less accuracy in terms of the LiDAR deliverables. Even in due times, if the level of accuracy may increase significantly, we still have to deal with the restriction in National Land Code (1965) before we could see LiDAR be used widely in Cadastral Survey. Section 396 (b) of the said Act, clearly regulated that, a surveyed land parcel is when boundaries have been determined and have been demarcated on the surface of the land by boundary mark. That being said, planting a boundary marker is still essential for cadastral survey for title issuance. This would requires ground work because photogrammetry UAV or UAV LiDAR alone does not fit the criteria of Section 396 (b) of the National Land Code (1965).

Practicality wise, LiDAR may not seems a big deal in cadastral survey but getting UAV involve in certain segment in cadastral survey might be a different story. Many research have been done with regards to the matter but not to the extend of issuing a land title. One research in line with cadastral survey segment done by Mohammad Yunus et. al. 2016, was about utilising photogrammetry UAV to accurately verify land encroachment case in Cameron Highland, Pahang. The issue was about the land use authorised for agriculture under Temporary Occupancy License (LPS) being commercially abused as shown in Figure 16 and 17.




Figure 13: Overlay between Orthophoto and Landuse authorised for agriculture (green line)



Figure 14: Graphical display between Landuse authorised by the Land Office for agriculture (blue line) and the actual land illegally being occupied (green area)

From the case study, the authorities having all the solid graphical evidence from the orthophoto, were able to swiftly bring the case to justice. Should the conventional method of surveying using TST was chosen rather than the UAV, it might take days before the volume of encroachment can be clearly defined.

Conclusion

In comparing these three technologies, what's essential to understand is that the one is not better than the other. Each has their strengths on certain areas and has their limitations on other area. It boils down to understanding the differences in approach and the capabilities as well as limitations of the three technologies. To determine which equipment suit best for surveying task to be carried out be it topographic survey or cadastral survey, decision made should be based on business need, cost and return of investment (ROI).

On one side, we have Total Station, a moderate technology of surveying equipment yet very practical and economic in achieving high accuracy in producing cadastral plans and topographic maps. On the other side we have UAV, very economic yet limited to map small area with very moderate level of accuracy. The latest technology LiDAR maybe with the least score in terms of accuracy and the cost but for application such as producing Digital Elevation Model (DEM) and for mapping for research, LiDAR without a doubt is a brilliant technology that would take mapping to the whole new level.

As to conclude, this paper would suggest that while the use of TST is still very much relevant in survey and mapping activities, this paper also concur with the general views of communities and the main players in surveying and mapping that UAV and LiDAR without a doubt are "The New Big Thing In Survey And Mapping" due for its wide potential and its incredible capabilities in geospatial data collection.

RUJUKAN

National Land Code, 1965

ISPRS Journal of Photogrammetry And Remote Sensing, 2018

GIM International May/June, 2019

Research Paper by Sr. Hj. Mohammad Yunus Md. Yusof, et al., Persidangan Pengarah Ukur, 2016

Real-Time Powerline Corridor Inspection By Edge Computing Of UAV LiDAR Data S. Pu 1, Commission II, WG II/4, ISPRS Geospatial Week 2019

Evaluation Of Multiple Linear Regression Model To Obtain DBH Of Trees Using Data From A Lightweight Laser Scanning System On-Board A UAV, M.V.Machado1 et. al, Commission VI, WG VI/4, ISPRS Geospatial Week 2019



Kajian Gerhana Matahari Separa Pada 21 Jun 2020 Bersamaan 29 Syawal 1441H di Balai Cerap Mini Jabal Falak Institut Tanah dan Ukur Negara

*A Study on Partial Solar Eclipse On 21st June 2020
equivalent to 29th Syawal 1441H at Institut Tanah dan Ukur Negara Observatory Centre*

Mahruzaman Misran, PPT

Bahagian Ukur dan Pemetaan, Institut Tanah dan Ukur Negara (INSTUN),
35950 Behrang Ulu, Perak Darul Ridzuan

e-mel: falaksyarie@gmail.com

Abstrak

